



SURAT KHABAR	:	KOSMO	MUKA SURAT	:	18
TARIKH	:	12/7/2018			
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

Kesemua unggas yang bernilai RM200,000 itu dipercayai diseludup ke negara jiran

## 231 burung berjaya diselamatkan

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

**K**UANTAN – Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menahan tiga lelaki kerana disyaki menyimpan 231 burung eksotik bernilai RM200,000 di Kuala Rompin, Rompin dekat sini, Isnin lalu.

Pengarah Perhilitan Pahang, Ahmad Azhar Mohamed berkata, suspek yang berusia dalam lingkungan 30-an terdiri daripada seorang warga tempatan dan dua warga Indonesia itu ditahan dalam serbuan pukul 12.30 tengah hari.

Katanya, suspek ditahan di sebuah rumah terbiar yang dijadikan sebagai tempat penyimpanan burung-burung berkenaan dan dipercayai telah lama terlibat dalam kegiatan menyimpan dan menyeludup burung berkenaan ke negara jiran.

“Pemeriksaan menemui 217 burung murai batu dan 14 burung eksotik pelbagai spesies di rumah berkenaan.

“Kita turut merampas

sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) yang disyaki digunakan suspek,” katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Menurutnya, siasatan lanjut yang dijalankan mendapati, antara spesies murai tempatan yang berjaya diselamatkan ialah *Copsychus malabaricus*, *Zosterops palpebrosa* dan *Gracula religiosa*.

Ujarnya, semua suspek kini ditahan reman selama empat hari bermula kelmarin bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 60(1)(a) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 kerana menyimpan hidupan liar yang dilindungi tanpa lesen.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Bagi kesalahan menyimpan burung murai batu, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 60(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga RM50,000 atau dengan penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.



ANTARA sangkar burung yang ditemui ketika serbuan dilakukan Perhilitan Pahang di sebuah rumah terbiar di Kuala Rompin, Rompin pada Isnin lalu.



ANTARA burung murai batu yang berjaya diselamatkan Perhilitan Pahang di sebuah rumah terbiar di Kuala Rompin, Rompin pada Isnin lalu.